

55,000 akaun pengguna PAIP di Kuantan alami gangguan bekalan air esok

Asrol Awang
am@hmetro.com.my



LOJI Rawatan Air (LRA) Panching. FOTO Arkib NSTP

Kuantan: Loji Rawatan Air (LRA) Panching, di sini, akan dihenti tugas bagi kerja pembaikan kejanggalaan pada pemasangan talian atas 33kV yang menyebabkan berlaku gangguan bekalan air di beberapa kawasan di sekitar daerah ini esok.

Pengurus Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) Kuantan, Noor Izwan Bahudin berkata, gangguan bekalan air selama lapan jam itu dijangka bermula 9 pagi membabitkan kira-kira 55,000 akaun pengguna.

Antara kawasan yang terjejas ialah Jalan Kuantan Bypass termasuk Permatang Badak, Kampung Pandan, Sungai Isap, Taman Bukit Rengin, Kampung Bukit Rengin, Kampung MPK, Kampung Chendering, Taman Desa Mesra dan kawasan sekitar.

Selain itu, Jalan Kuantan-Gambang termasuk Taman Sepakat, Kampung Batu 3, Tanah Putih, Kampung Razali Batu 3, Kampung Kurnia, Kampung Belukar, Kampung SC, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Kampung Air Hitam, Sri Damai, Jaya Gading, Taman Guru, Taman Rasau Perdana, Kampung Teluk Mahang, Taman Tas, Taman Tas Ria, Pandan Damai 2, Kampung Lubuk Puyu dan kawasan sekitar.

Turut terjejas di Kampung Seri Fajar, Kampung Mahkota, Taman Seriku, Taman Seri Mahkota Aman, Taman Mahkota Permai, Kem Batu 10, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan kawasan sekitar.

Seluruh Taman Inderapura, Taman Sri Damai Makmur, Taman Indera Sempurna, Inderapura Jaya, Perumahan Prima Penor Utara Jaya, PP1AM Indera Sempurna, Rumah Kanak-Kanak Hajjah Kalsom, Kampung Seri Melati, Kampung Batu Putih, Kampung Soi, Kampung Kempadang, Kampung Pahang, Taman Berjaya Permai, Kampung Sepat, Kampung Pak Mahat, Bandar Putra, Tanjung Lumpur, Sungai Belat, Kampung Penor, Penjara Penor, Kampung Semangat, Ubai, Cheruk Paloh serta kawasan berhampiran.

Gangguan turut berlaku di seluruh Felda Panching Timur, Panching Utara, Panching Selatan, Kampung Pasir Kemudi, Kampung Ah Tong, Paya Bungor, Paya Rambutan, Gedung Siam, Semuji Agro Resort, PLKN Semuji, Jabatan Veterinar, Kampung Gelugur, Kampung Megat dan kawasan berhampiran.

Sehubungan itu, PAIP menasihati pengguna supaya menyimpan air secukupnya.